

Syabas, kamu sentiasa menghormati jiran!



### PANDUAN AKTIVITI

1. Lontar dadu untuk menentukan giliran bermain.
2. Gerakkan penanda mengikut nombor pada dadu.
3. Jawab soalan apabila berhenti di petak soalan.
4. Maju setapak jika jawapan betul.
5. Pemain hilang giliran satu pusingan jika jawapan salah.
6. Pemain yang tiba dahulu di petak tamat ialah pemenang.

### NOTA GURU

- Minta murid menyatakan perkara yang telah dipelajari oleh mereka selepas bermain.
- Minta murid bertukar-tukar pengalaman menghormati jiran selain situasi yang diberikan.

6.1  
6.2  
6.3  
6.4  
6.5





# MARI UJI DIRI

 Lengkapkan jawapan.

## Contoh Tindakan Menghormati Jiran



Perlakuan

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Pertuturan

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Peraturan

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Nyatakan perasaan menghormati jiran.



i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_

Apakah kelebihan menghormati jiran?



i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_  
iii. \_\_\_\_\_

Apakah kesan tidak menghormati jiran?



i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_  
iii. \_\_\_\_\_



BUKA MINDA

UNIT 7







Mari kita bersyair.

## SYAIR SAYANGI JIRAN

Tersebutlah kisah jiran tetangga,  
Tidak mengira agama dan bangsa,  
Perasaan jiran sama dijaga,  
Tandanya kita kasih mereka.

Kenali jiran penuh keikhlasan,  
Sayangi jiran sepanjang zaman,  
Berkasih sayang kukuhkan perpaduan,  
Hidup sejahtera kejiranan aman.

Jiran ibarat keluarga kita,  
Erat hubungan bertambah mesra,  
Kasih dan sayang hargai sentiasa,  
Membentuk tetangga akrab dirasa.







**Hidup berjiran bagai saudara,  
Aktiviti kejiranan menjadi sempurna,  
Harungi segala suka dan duka,  
Kasih dan sayang amalan bersama.**

Saya sayang semua jiran saya. Mereka juga menyayangi saya.



**Banyak faedah jiran tetangga,  
Rasa gembira dan juga bangga,  
Sayang-menyayangi ikatan mesra,  
Hidup harmoni setiap masa.**

Nukilan: Wang Lock Hui


- ◆ Senaraikan aktiviti kejiranan yang menunjukkan sikap kasih sayang.
- ◆ Berdasarkan rangkap pertama, nyatakan perasaan kamu apabila mengamalkan sikap menyayangi jiran.



SYAIR  
SAYANGI JIRAN

### NOTA GURU

- Bimbing murid melagukan syair.
- Minta murid menceritakan pengalaman mereka menyayangi jiran.







## KASIHI JIRAN KITA

 **Teliti situasi dalam gambar.**

Jiran di kawasan kejiranan Regina mengadakan jamuan bersempena dengan kejayaan memperoleh Anugerah Kejiranan Misali. Regina dan jirannya berasa gembira dan bangga dengan kejayaan itu. Mereka turut serta dan meraikan majlis tersebut dengan meriahnya.

Regina dan rakan-rakan menyambut jiran yang hadir dengan mesranya.

Kumar menolak kerusi roda jiran dengan cermatnya.



Adilah ikhlas bersalaman dengan jiran.


Joshua dan Shanti melayani jiran dengan penuh kasih sayang.



- ◆ Apakah yang patut kamu lakukan sekiranya jiran mengadakan sesuatu majlis di kawasan kejiranan?
- ◆ Wajarkah Regina dan rakan-rakannya menunjukkan sikap kasih sayang terhadap jiran? Berikan alasan kamu.
- ◆ Kamu mendapati jiran di kawasan kejiranan kurang mesra. Apakah yang patut kamu lakukan? 🍷

• **NOTA GURU** •

- Bimbing murid main peranan watak-watak berdasarkan situasi dalam gambar.







# SIFAT PENYAYANG PENDORONG KEJAYAAN

 **Baca dan fahami rencana.**

## KASIH SAYANG JIRAN MENDORONG KEJAYAAN OKU

Ong Meng Hua, kanak-kanak Orang Kurang Upaya (OKU) berumur 10 tahun telah mencipta kejayaan dalam Kejohanan Olahraga Paralimpik. Beliau memperoleh pingat emas dalam acara larian 100 meter dan berjaya memecahkan rekod kejohanan. Kejayaannya menjadi kebanggaan jiran.

Meng Hua, pada mulanya tidak yakin akan keupayaan diri tetapi kasih sayang yang ditunjukkan oleh jiran telah mendorong dan membakar semangatnya. Setiap kali sesi latihan, mereka akan membimbing dan memberikan tunjuk ajar teknik larian yang betul.

Mereka juga sering menemaninya semasa latihan. Selain itu, motivasi yang diberikan oleh jiran membuatkan beliau berkeyakinan tinggi.


◆ Kamu menjadi pendorong kepada kejayaan jiran. Ceritakan perasaan kamu.



Ong Meng Hua memberitahu bahawa dia amat bersyukur mempunyai jiran yang ikhlas menyayangi dirinya.


Beliau berharap semoga jiran akan terus memberikan sokongan kepada dirinya. Beliau juga mahu kejayaan ini menjadi inspirasi dan merapatkan hubungan sesama jiran.

**Lengkapkan peta minda dan bincangkan.**



### NOTA GURU

- Bimbing murid membentangkan hasil jawapan dengan menggunakan pelbagai media.






# SAYANGI JIRAN, ERAT HUBUNGAN



UNIT  
7

 Isi gerabak kereta api dengan jawapan yang betul.



## NOTA GURU

- Lakukan aktiviti dengan menggunakan teknik permainan mengikut kreativiti guru.

7.2  
7.3  
7.4





# MARI UJI DIRI

 **A. Karang cerita berdasarkan sikap kasih sayang terhadap jiran dengan berpandukan rangkai kata.**



- memberitahu jiran – mendapat cahaya mata – merancang
- melawat – buah tangan – tahniah – tanda kasih sayang

---

---

---

---

---

 **B. Tulis pengalaman kamu yang menggambarkan sikap menyayangi jiran pelbagai kaum.**

---

---

---

---

---





Bagusnya, Swee Lan.  
Dia memberikan buah  
yang sama banyak  
kepada semua jiran.







## BERSIKAP ADIL SESAMA JIRAN

 **Hayati situasi dalam gambar.**

Jiran di Taman Setia Damai mengadakan Karnival Kanak-kanak. Semua tugas diagihkan secara adil dan saksama untuk mewujudkan hubungan yang lebih mesra sesama jiran.



Yi Cheng dan Latha ditugasi untuk mengagihkan cenderamata. Mereka memberikan cenderamata kepada setiap keluarga mengikut bilangan anak jiran.

Gobi dan Anis mengawasi tempat permainan kanak-kanak. Mereka memberikan layanan yang sama kepada semua anak jiran tanpa mengira kaum. Mereka berasa gembira kerana dapat bertindak secara adil.





Rodzi mengumpulkan semua kertas lukisan apabila masa pertandingan tamat walaupun ada peserta yang belum selesai.



Veron ditugasi menjaga bahagian makanan. Dia memberikan makanan mengikut giliran walaupun jiran baiknya beratur di belakang barisan.

- ◆ Berdasarkan situasi, nyatakan tindakan adil terhadap jiran.
- ◆ Mengapakah kamu perlu bersikap adil terhadap jiran?
- ◆ Apakah yang akan berlaku sekiranya Veron bersikap tidak adil?

NOTA GURU

- Bimbing murid melakonkan situasi di atas dengan mengamalkan tindakan yang adil terhadap jiran.

8.1  
8.2  
8.3  
8.4  
8.5





## SIKAP ADIL KEHIDUPAN AMAN

### Hayati perbualan di bawah.

Thomas, Fauzi dan Mugilan dikehendaki mengedarkan risalah Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) di kawasan kejiranan mereka.



1

Kita perlu mengedarkan risalah ini. Thomas edarkan di lorong 1, Mugilan di lorong 2 dan saya di lorong 3. Kita tidak perlu mengedarkan risalah di lorong 4 kerana tiada kanak-kanak yang dijangkiti HFMD.

2

Tidak boleh, Fauzi. Kita perlu adil semasa mengedarkannya kerana setiap penghuni mesti mengetahui penyakit ini.

3

Ya betul. Kita patut bersikap adil.

4

Kita juga patut memberikan layanan yang sama tanpa mengira kaum semasa mengedarkan risalah. Biar saya mengedarkannya di lorong 4 kerana saya tinggal di situ.

5

Betul. Kita tidak boleh bersikap berat sebelah agar hubungan antara jiran erat dan mesra.


- ◆ Apakah sikap adil yang ditunjukkan dalam perbualan?
- ◆ Mengapakah kamu patut membuat tindakan dan keputusan yang adil terhadap jiran?
- ◆ Apakah yang akan berlaku jika kamu tidak menyampaikan maklumat kepada semua jiran?



NOTA GURU

- Minta murid menceritakan pengalaman dan perasaan mereka apabila bersikap adil terhadap jiran.

- 8.1
- 8.2
- 8.3
- 8.4
- 8.5





# ADIL DEMI KEAMANAN

Teliti situasi dan bantangkan jawapan.

Bincangkan tindakan adil yang patut dilakukan terhadap jiran.

Pasu bunga jiran pecah semasa adik Enggo dan anak jiran bermain bola.



Nenek Paro membawa buah betik dari kampung. Nenek meminta Paro mengagihkannya kepada jiran.

Wud sekeluarga ingin mengadakan majlis sambutan hari kelahiran ayahnya. Wud ingin menjemput jiran mereka.

◆ Apakah yang akan berlaku jika kamu tidak bertindak adil dalam situasi di atas? Jelaskan.

### NOTA GURU

- Minta murid membentangkan hasil perbincangan dengan menggunakan pelbagai jenis peta minda.

8.1  
8.3





## BERSIKAP ADIL KEMESRAAN TERJALIN

### Teliti situasi berikut.

Sipin dan jiran ditugasi untuk membuat persediaan bersempena dengan majlis sambutan hari raya peringkat kejiranan. Sipin mengagihkan tugas mengikut kebolehan jirannya.




Bil.	Nama	Tugasan yang diberikan	Kebaikan
1.	Sipin		
2.	Wen Jun		
3.	Sheila		
4.	Oviya		
5.	Muhamar		
6.	Gasan		

◆ Adakah tugasan yang diberikan itu adil? Jelaskan.

#### NOTA GURU

- Bimbing murid menyatakan kesan jika Sipin tidak bertindak adil semasa membahagikan tugas kepada jirannya.






# BERLIAN JIRANKU



Mari hasilkan berlian keadilan.



## PANDUAN AKTIVITI

1. Jawab soalan.
2. Guntingkan garisan putus-putus.
3. Lipat dan cantum.

## NOTA GURU

- Perbanyak halaman ini untuk aktiviti murid.
- Minta murid menulis jawapan pada bahagian belakang soalan.
- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.

8.2  
8.3  
8.4






# JIRAN YANG ADIL

 **Mari bermain.**

## PANDUAN AKTIVITI

1. Permainan ini dimainkan secara individu.
2. Lontarkan dadu untuk menggerakkan penanda.
3. Jawab soalan mengikut warna bendera.
4. Pemain meneruskan permainan untuk jawapan yang betul.
5. Pemain berundur satu nombor bagi jawapan yang salah.
6. Pemain hilang satu pusingan di stesen yang mempunyai bom.
7. Pemain pertama yang tiba di puncak mendapat mahkota keadilan dan gelaran "Jiran yang Adil".



## SOALAN BERPANDUKAN WARNA BENDERA



Kamu mengagihkan alat tulis kepada anak-anak jiran secara sama rata. Adakah tindakan kamu adil? Jelaskan.



Ceritakan pengalaman kamu bersikap adil terhadap jiran?



Nyatakan satu contoh tindakan yang adil.



Kamu memberikan bantuan kepada semua jiran tanpa mengira kaum. Adakah tindakan kamu adil? Jelaskan.



Apakah perasaan kamu apabila bertindak adil terhadap jiran?



Kamu beramah mesra dengan segelintir jiran sahaja. Adakah tindakan kamu adil? Jelaskan.




Kamu memberikan buah tangan kepada jiran yang kamu suka sahaja. Adakah tindakan kamu adil? Jelaskan.



Apakah yang akan berlaku jika kamu berat sebelah terhadap jiran?

### NOTA GURU

- Bimbing murid bermain permainan ini.











**Fahami situasi dan jawab soalan.**

**A**



Saya hanya mengutip sampah di hadapan rumah jiran yang hadir ke aktiviti gotong-royong.

1. Adakah tindakan kamu adil? Jelaskan.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

2. Berdasarkan situasi di atas, nyatakan kesan jika tidak bertindak adil terhadap jiran.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_

Saya menjemput jiran yang berlainan kaum dan agama untuk menghadiri majlis jamuan makan malam. Bagaimanakah saya boleh bertindak adil untuk melayan tetamu yang hadir ke majlis itu?

**B**



Cara bertindak adil

Makanan

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

Layanan

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_



BUKA MINDA

UNIT 9







# BERTINDAK BERANI DEMI KESEJAHTERAAN KEJIRANAN

Fahami cerita berikut.

1 David, jangan pukul kucing!

2 Kita patut sayangi kucing.


3 Azmil dan Pei Ling, jangan masuk campur! Rumah saya kotor dan busuk kerana kucing ini berak merata-rata.

4 Janganlah marah. Biar kami selesaikan.

9 Baiklah, saya setuju. Ambillah kucing ini.

10 Kami gembira kerana kamu menerima teguran dan cadangan kami.

Azmil dan Pei Ling berani menegur kesilapan jiran, berani bercakap benar dan berani membuat keputusan demi kesejahteraan bersama.





5 Ini kucing siapa?

7 Oh, kucing liar! Patutlah jiran mengeluh tentang najis kucing bersepah di kawasan kejiranan kita. Azmil, bolehkah kamu bela kucing ini? Rumah saya sudah ada banyak kucing.

6 Ini kucing liar.

8 Tidak boleh. Ibu saya alah terhadap bulu kucing. Saya cadangkan kita ke rumah Doktor Tan dan minta bantuannya. Beliau doktor veterinar.

11 Doktor Tan, kami berjaya menyelamatkan kucing ini daripada dipukul. Kucing ini menimbulkan masalah kepada jiran kita. Bolehkah doktor selesaikannya?

12 Boleh, saya akan menghantar kucing ini ke pusat perlindungan kucing. Tahniah, kamu berdua telah bertindak berani.


13 Terima kasih, Doktor Tan.

14 Sama-sama, Azmil dan Pei Ling.

- ◆ Senaraikan sikap berani watak-watak dalam cerita.
- ◆ Berdasarkan cerita, berikan pendapat kamu, adakah sikap berani dapat mengekalkan kesejahteraan kepada kejiranan? Huraikan. 🍄

NOTA GURU

- Minta murid melakonkan cerita.
- Minta murid menyatakan perasaan mereka selepas aktiviti lakonan.








# SAYA MENEGUR, JIRAN TERIMA

 Baca dan fahami cerita.



### Kes Pembuangan Sampah

- dibuang dari tingkat atas
- kejiranan kotor
- mengundang penyakit



Alicia, kenapa kamu membuang sampah dari tingkat atas? Perbuatan kamu mengotorkan tempat tinggal kita dan mengancam keselamatan jiran kita.

Biarlah, Harivhanan. Di sini ada pekerja yang mengutip sampah. Lagipun, jiran yang lain juga buat begitu.



Ramalkan kesudahan cerita ini.



- ◆ Mengapakah Harivhanan menegur perbuatan Alicia?
- ◆ Jika kamu menghadapi situasi yang sama, wajarkah kamu bertindak sedemikian? Jelaskan.

### NOTA GURU

- Bimbing murid menyudahkan cerita dengan amalan keberanian.
- Minta murid menceritakan pengalaman bersikap berani terhadap jiran.
- Minta murid mencari maklumat tentang sikap berani terhadap jiran daripada pelbagai media untuk dikongsi bersama-sama rakan di kelas.





# CABARAN DIHARUNGI, MASALAH DIATASI



UNIT  
9

Hayati cerita di bawah.



- ◆ Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Ajon? Huraikan.
- ◆ Sikap berani terhadap jiran perlu ada batasannya. Bincangkan. 🧠

## NOTA GURU

- Bimbing murid membentangkan hasil perbincangan.
- Minta murid menyatakan kepentingan bersikap berani terhadap jiran.

9.1  
9.2  
9.3






# SAYA BERANI, KEJIRANAN SEJAHTERA

Hasilkan buku komik mini.

1

Lipat kertas kepada lapan bahagian dan guntingkannya.



2

Buka dan lipat kertas secara melintang.



3

Bentuk kertas menjadi buku.



4

Lukis gambar.



Sediakan bahan dan peralatan:

- kertas
- gunting
- pensel
- pensel warna



4	3	2	1
5	6	Muka Belakang	Muka Depan

Rangka buku komik mini.


Buku komik mini yang telah siap.



◆ Ramalkan cabaran yang akan dihadapi ketika bertindak berani terhadap jiran. Bagaimanakah kamu mengatasinya? 🍄

• **NOTA GURU** •

- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.
- Bimbing murid menghasilkan komik mini berdasarkan pengalaman sikap berani terhadap jiran.
- Pamerkan hasil kerja murid di sudut Pendidikan Moral.





# HARMONINYA KEJIRANANKU



UNIT  
9

Lakukan aktiviti berikut.



1  
Nyatakan contoh sikap berani terhadap jiran.

2  
Senaraikan cabaran bertindak berani terhadap jiran.




3  
Terangkan perkara yang perlu diberi perhatian ketika bertindak berani terhadap jiran.

4  
Huraikan kebaikan bersikap berani terhadap jiran.

## PANDUAN AKTIVITI

### Jig-Saw

1. Setiap kumpulan dianggotai empat orang ahli. Setiap ahli diberi nombor 1 hingga 4 dan topik yang berbeza.
2. Pecahkan ahli kumpulan rumah mengikut nombor untuk membentuk kumpulan pakar A, B, C dan D.
3. Ahli kumpulan pakar A, B, C dan D berbincang mengikut topik yang diberikan.
4. Kembali ke kumpulan rumah dan sampaikan maklumat daripada kumpulan pakar. Ahli lain dalam kumpulan rumah mengemukakan soalan.



◆ Apakah perasaan kamu apabila bertindak berani terhadap jiran? Mengapa?

### NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti PAK-21 (*Jig-Saw*).
- Minta murid membentangkan hasil perbincangan kumpulan.
- Sediakan situasi tambahan jika perlu.
- Sediakan soalan kuiz untuk menguji kefahaman murid.

9.1  
9.2  
9.3  
9.4











## BERANI KERANA BENAR

 Baca dan lakonkan cerita dengan boneka jari.



 dan  ternampak pokok buah rambutan yang berbuah lebat kepunyaan jirannya, Pak .  bercadang untuk mencuri buah rambutan tetapi  membantah cadangan itu.



 memarahi  dan tidak mahu berkawan dengannya lagi.  menegur  bahawa perbuatan mencuri ialah satu kesalahan dan akan menjatuhkan maruah keluarga di kejiranan.



 enggan menerima teguran  dan terus memanjat pokok. Apabila  hampir mencapai buah rambutan,  penjaga rumah Pak  menyalak dan menggigit ekor .  terjatuh dan menangis teresak-esak kerana kesakitan.

Mujur  ternampak kejadian itu lalu menghalau  dari situ. Pada ketika itu, Pak  tiba di rumahnya.  memberitahu Pak  bahawa  telah menyerang  dan patut dihukum.



Pak  memarahi  .  meminta  
 Pak  jangan memarahi  kerana sebenarnya  
 yang berbuat salah.  amat menyesali  
 perbuatannya.  meminta maaf daripada  
 Pak  dan berjanji tidak mencuri lagi.  
 memuji sikap  kerana berani  
 menceritakan hal yang benar dan dapat mengelakkan  
 perselisihan faham dalam kalangan jiran.



 **Mari hasilkan boneka jari.**

1



Warnakan gambar, tampalkan pada kad manila dan guntingkannya.

Sediakan bahan dan peralatan:


- gunting
- pensel warna
- kad manila
- gambar binatang



2




Lakonan cerita.

- ◆ Senaraikan sikap berani Zirafah.
- ◆ Patutkah kamu mencontohi sikap yang ditunjukkan Zirafah? Bincangkan. 

**NOTA GURU**

- Perbesar gambar binatang untuk aktiviti lakonan.
- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.

9.1  
9.2  
9.3








 **Jawab soalan berdasarkan tindakan berani dan tidak berani.**




Jiran kamu sentiasa memberikan makanan kepada burung merpati di belakang kawasan rumah. Lama-kelamaan, semakin banyak burung merpati yang datang untuk makan. Najis burung merpati yang bertaburan menjejaskan kebersihan persekitaran. Jika dibiarkan, keadaan ini boleh mengakibatkan wabak selesema burung.



"Berani kerana benar, takut kerana salah". Huraikan cabaran yang akan kamu hadapi apabila kamu mengamalkan prinsip ini dalam kalangan jiran. 🍄









## KEJUJURAN AMALAN HIDUP BERSAMA-SAMA JIRAN

### Teliti dan fahami situasi.

Zulkifli meminta Kumar menjaga permainan skuter mini miliknya kerana dia hendak ke tandas. Semasa Kumar menjaga skuter mini, Melvin datang dan ingin meminjam skuter mini tersebut.

Kumar, bolehkah saya pinjam skuter mini itu? Saya teringin bermain skuter mini.

Ini skuter mini Zulkifli, jiran kita. Saya tidak boleh pinjamkan kepada kamu.



Terima kasih Kumar kerana menjaga skuter mini saya. Kamu mainlah skuter mini saya.

Baiklah, Kumar. Mari kita balik.

Tidak mengapalah, Zulkifli. Saya menjaganya dengan ikhlas. Mari kita pulang. Ibu kamu berpesan tadi, kita harus balik sebelum pukul 6:00 petang.

- ◆ Senaraikan ciri seorang jiran yang jujur.
- ◆ Mengapakah kamu patut bersikap jujur seperti Kumar?
- ◆ Amalan kejujuran dapat mengeratkan hubungan sesama jiran. Bincangkan. 🧠

NOTA GURU

- Minta murid melakonkan cerita dan menyatakan perasaan.
- Bimbing murid memahami sikap jujur dalam cerita.

10.1  
10.2  
10.3  
10.4  
10.5





## KEJUJURAN MENGERATKAN HUBUNGAN KEJIRANAN

 **Baca dan fahami dialog.**

**James, Agus dan Sarah berbual-bual di kawasan kejiranan.**

James: Saya dan Agus hendak menolong jiran kita, iaitu Pak Cik Halim mengutip buah durian di dusunnya. Kami minta diri dahulu.

Sarah: Baiklah, James. Nanti saya dan Yaviarani ke dusun untuk berjumpa dengan kamu.

**Situasi di dusun Pak Cik Halim.**



James: Agus, itu bunyi buah durian gugur. Mari kita kutip buah itu.

Agus: Baiklah, James.

James: Eh, bukankah itu David, jiran kita?

Agus: Yalah. Dia mengambil buah durian tanpa kebenaran. Kita patut memberitahu Pak Cik Halim.

James: Ya, kita patut bercakap benar kepada Pak Cik Halim.

- ◆ Mengapakah Agus tidak membenarkan Sarah dan Yaviarani makan durian?
- ◆ Apakah kesan jika kamu tidak bercakap benar terhadap jiran?
- ◆ Apakah perasaan kamu setelah bersikap jujur terhadap jiran?



**Sarah dan Yaviarani berjumpa James dan Agus di dusun.**



- Sarah: James, Agus! Banyaknya buah durian yang kamu kutip.  
 Yaviarani: Bolehkah kami makan buah durian ini?  
 Agus: Tidak boleh. Buah durian ini kepunyaan Pak Cik Halim. Kita patut meminta izin jika hendak makan.


**Pak Cik Halim datang untuk mengambil buah durian di dusun.**



- James: Pak cik, kami ternampak David mengambil buah durian.  
 Pak Cik Halim: Patutlah buah durian selalu hilang. Terima kasih kerana memberitahu. Ambillah duit ini kerana kamu berdua bersikap jujur dan menolong pak cik.  
 Agus: Tidak mengapa, pak cik. Kami ikhlas.  
 Pak Cik Halim: Jika begitu, mari kita makan durian ini bersama-sama.

**NOTA GURU**

- Bimbing murid menjalankan aktiviti main peranan.
- Bimbing murid mengenal pasti perlakuan jujur dalam cerita.







# KEJUJURAN TERHADAP JIRAN

Fahami situasi dan jalankan aktiviti.

## Situasi 1

Semasa pulang dari sekolah, kamu ternampak kawan-kawan memetik buah mangga di rumah jiran. Mereka memberikan buah mangga itu kepada kamu.



Tindakan jujur kamu: \_\_\_\_\_  
Perasaan bersikap jujur: \_\_\_\_\_

## Situasi 2



Kamu sedang membaca buku cerita yang dipinjam daripada jiran. Chinda, kawan baik kamu ingin meminjam buku cerita itu.

Tindakan jujur kamu: \_\_\_\_\_  
Perasaan bersikap jujur: \_\_\_\_\_

## Situasi 3

Kamu ternampak jam tangan milik jiran tercipir di kawasan kejiranan.




Tindakan jujur kamu: \_\_\_\_\_  
Perasaan bersikap jujur: \_\_\_\_\_

◆ Apakah yang akan berlaku sekiranya kamu bersikap jujur terhadap jiran pelbagai kaum?

### NOTA GURU

- Bentuk kumpulan, bincangkan situasi dan bentangkan hasil perbincangan dengan menjalankan aktiviti PAK-21 (*One Stay Three Stray*).





# KISAH ANAK JIRANKU



UNIT  
10

 **Lengkapkan lirik lagu dengan jawapan yang tepat.**


Ini kisah anak jiranku  
\_\_\_\_\_ jadi pegangan  
Bercakap benar, amanah, ikhlas  
Dalam perlakuan terhadap jiran

Suatu hari dia terjumpa duit  
Di depan rumah jiran  
Terus pulangkan pada tuannya  
\_\_\_\_\_ tanpa mengharapkan balasan

Apabila balik ke kampung  
Jiran serah kuncinya  
Jaga rumah dengan \_\_\_\_\_  
Agar rumah sentiasa selamat


Anak jiran bercakap \_\_\_\_\_  
Dalam semua perkara  
Ceritakan dengan penuh jujur  
Agar hubungannya semakin mesra.

Nukilan: Wang Lock Hui



## • PILIHAN JAWAPAN •

Ikhlas, amanah, khianat,  
Jujur, bohong, benar, dengki

- ◆ Adakah jiran kamu seorang yang jujur? Ceritakan.
- ◆ Jelaskan ciri-ciri kejujuran kamu terhadap jiran dengan menggunakan grafik.
- ◆ Hasilkan sebuah cerita moral berdasarkan ciri-ciri kejujuran. 

## • NOTA GURU •

- Bimbing murid menyanyikan lagu mengikut rentak lagu "Baa Baa Black Sheep".
- Bimbing murid membuat grafik.



KISAH  
ANAK JIRANKU

10.1  
10.2  
10.3  
10.5





## KUIZ RODA KEJUJURAN

 **Mari putar roda kejujuran.**

### PANDUAN AKTIVITI

1. Bentuk kumpulan dan lantik seorang ketua.
2. Ketua memutar roda untuk menentukan hadiah.
3. Ketua memilih kad dan membaca soalan.
4. Kumpulan yang menjawab soalan dengan betulnya akan menerima hadiah.
5. Kumpulan yang mengumpul hadiah terbanyak ialah pemenang.



### KAD SOALAN

Ceritakan satu pengalaman kamu bersikap jujur terhadap jiran.

Sebutkan ciri-ciri kejujuran yang patut kamu amalkan terhadap jiran.


Nyatakan satu daripada kebaikan bersikap jujur terhadap jiran.

Ceritakan perasaan kamu setelah bersikap jujur terhadap jiran.

Baju di ampaian jiran kotor kerana terkena bola. Kamu mengakui kesalahan. Apakah ciri kejujuran yang kamu amalkan?

Kamu membiarkan adik bermain anak patung yang kamu pinjam daripada jiran. Wajarkah tindakan kamu?

- NOTA GURU**
- Bimbing murid menjalankan aktiviti.
  - Pelbagaikan soalan mengikut keperluan.





# PENANDA BUKU KEJUJURAN



UNIT  
10

 Hasilkan penanda buku.

Sediakan bahan dan peralatan:

- gam
- gunting
- pensel
- kertas warna
- pensel warna
- pen penanda




1 Lipat kertas kepada dua bahagian.



2 Lipat kedua-dua bucu.




3 Lipat bahagian bawah.



4 Buka bahagian tengah.



5 Lipat dan gamkan.




6 Guntingkan mata, paruh dan kepak yang telah dilukis.



7 Tampalkan mata, paruh dan kepak.




8 Tulis ciri kejujuran dan perasaan di belakang.



Penanda buku yang telah siap.

## NOTA GURU

- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.
- Galakkan murid menghendahkan penanda buku kepada jiran.







## MARI UJI DIRI



### A. Pilih dan bulatkan jawapan yang betul.

1. Iris terpijak anak pokok bunga yang ditanam oleh jiran. Apakah tindakan kejujuran Iris?
  - a. Iris mengaku kesalahannya.
  - b. Iris meminta adiknya memberitahu jiran.
  - c. Iris mendiamkan diri kerana jiran tidak nampak perbuatannya.
2. Gopalan sentiasa mengamalkan sikap jujur terhadap jiran. Dia berasa \_\_\_\_\_.
  - a. sedih
  - b. bangga
  - c. sombong
3. Yew Yien memulangkan telefon pintar kepada jiran. Jiran memberikan RM50 untuk membalas jasa Yew Yien. Apakah tindakannya?
  - a. Dia menerima wang pemberian jiran itu.
  - b. Dia teragak-agak untuk menerima pemberian itu.
  - c. Dia menolak pemberian jiran kerana ikhlas melakukannya.
4. Alice meminjam basikal jiran. Adik Alice ingin bermain dengan basikal itu. Alice tidak membenarkannya. Apakah ciri kejujuran Alice?
  - a. ikhlas
  - b. amanah
  - c. bercakap benar



### B. Tulis pengalaman tentang sikap jujur yang pernah kamu lakukan terhadap jiran.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_





TEKNIK MENTERNAK  
KELULUT: KOTAK  
"TOPPING"

*Heterotrigona itama*

KOTAK "TOPPING"





# USAHA BERTERUSAN MEMBAWA KESEJAHTERAAN

## Baca dan fahami.

Kebanyakan sampah di kawasan kejiranan Jalan Sentosa Maju boleh dikitar semula. Antara sampah yang dibuang termasuklah:



4 OGOS




Nelson dan Romaizi berbincang dengan jirannya. Mereka membuat keputusan untuk mengasingkan bahan kitar semula untuk digunakan sebagai perhiasan di sekitar kawasan kejiranan.

7 OGOS



Botol plastik digunakan sebagai pasu untuk menanam bunga hiasan. Nelson dan jirannya menggantung bunga hiasan yang ditanam di sekeliling pagar.


10 OGOS



Nelson dan jiran bersungguh-sungguh menghasilkan tempat duduk daripada tayar terbuang. Tempat duduk itu diletakkan di taman permainan untuk kegunaan jiran.



12 OGOS




Jiran Nelson menganyam kertas terpakai untuk dijadikan bakul. Bakul tersebut dijual di kawasan kejiranan lain.

20 OGOS



Kawasan kejiranan Jalan Sentosa Maju menerima Anugerah Taman Inovasi. Sikap dedikasi yang ditunjukkan oleh semua jiran mewujudkan kehidupan yang sejahtera dan harmoni.

16 OGOS



Romaizi dan jiran menyusun tin serta botol kaca yang telah dicat untuk menghasilkan papan tanda. Mereka bersemangat menghasilkan papan tanda "Selamat Datang" yang terbesar.

- ◆ Bagaimanakah Nelson dan Romaizi mengamalkan sikap rajin di kawasan kejirannya?
- ◆ Jelaskan kebaikan amalan rajin dalam kehidupan berjiran.
- ◆ Ceritakan pengalaman kamu mengamalkan sikap rajin dalam kehidupan harian di kawasan kejiranan.

## NOTA GURU

- Minta murid menyatakan perasaan bersikap rajin dalam hidup berjiran.
- Kenal pasti masalah di kawasan kejiranan dan senaraikan cara mengatasinya dengan sikap rajin.





## KERAJINAN ASAS KESEJAHTERAAN

### Hayati keratan akhbar.

**KUALA TERENGGANU, 18 Ogos** – Jalan Permata Indah terkenal kerana produk berasaskan pisang. Jiran di sini juga terkenal dengan sikap rajin kerana mereka menyumbang tenaga dan masa untuk menghasilkan pelbagai produk baharu tanpa jemu.

Salah satu produk yang sangat terkenal ialah popia pisang. Semua jiran gigih berusaha dan berdedikasi bagi menghasilkan produk ini. Kaum lelaki menanam pokok pisang di kawasan kejiranan manakala kaum wanita menyediakan dan menggoreng popia pisang. Kanak-kanak pula membantu kaum wanita meletakkan perisa coklat pada popia pisang.

Hasil daripada usaha yang berterusan telah membuka peluang pekerjaan kepada banyak jiran menerusi pembinaan kilang pemprosesan popia pisang. Mereka bersungguh-sungguh menjaga kualiti dan kesegaran pisang agar popia pisang yang dihasilkan sedap.


Semua jiran berasa gembira kerana sikap rajin yang diamalkan membawa kesejahteraan kepada kehidupan mereka.

(Sumber: Diubah suai daripada *My Metro*, 4 Februari 2019)



- ◆ Bagaimanakah jiran di Jalan Permata Indah mengamalkan sikap rajin?
- ◆ Semut merupakan binatang yang rajin. Apakah sifat rajin semut yang boleh kita praktikkan dalam kehidupan berjiran? 🐜

- **NOTA GURU**
- Minta murid mencari berita tentang aktiviti atau program yang berkaitan dengan sikap rajin dalam kawasan kejiranan.
  - Bentangkan hasil dapatan.






# TEKUN BERUSAHA MEMBUAHKAN HASIL



UNIT  
II

 Hayati situasi dan lakukan aktiviti.



Bagaimanakah jiran di kawasan kejiranan Lorong Permai 2 mengamalkan sikap rajin mereka?

## Situasi 1

Nazrin, Kamal dan Darrel akan menyertai perlawanan sepak takraw.



## Situasi 2


Setiap rumah menerima pokok hiasan bersempena dengan Kempen Hijaukan Bumi.



## PANDUAN AKTIVITI

### Travelling File

1. Setiap kumpulan diberi satu fail yang mempunyai pelbagai situasi.
2. Jawab soalan situasi dan masukkan jawapan ke dalam fail itu.
3. Edar fail kepada kumpulan lain untuk menghuraikan atau menambah cadangan jawapan dengan menggunakan pensel warna.
4. Bincangkan jawapan bersama-sama guru selepas 20 minit.

◆ Jiran yang rajin akan berjaya. Bincangkan. 

### NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan aktiviti PAK-21 (*Travelling File*).
- Tambahkan situasi lain mengikut keperluan.

11.1  
11.2  
11.3






# USAHA BERTERUSAN SEMANGAT MEMBARA

## Mari melakukan aktiviti.

Jiran di kawasan kejiranan Blok C, Pangsapuri Arowana akan menganjurkan Karnival Hari Keusahawanan. Flora ingin menyertai karnival itu.

Bantu Flora dan jirannya mencari maklumat cara membuat aiskrim Malaysia.



Potong dan perah buah oren.

### Sediakan bahan dan peralatan:

- buah oren
- pemerah buah
- plastik aiskrim
- jag kecil
- sudu



Tuang jus oren ke dalam plastik aiskrim.



Ikat plastik aiskrim. Simpan di dalam peti ais sehingga beku.



Aiskrim yang telah siap.

### NOTA GURU

- Bimbing murid menghasilkan aiskrim Malaysia mengikut kreativiti.
- Galakkan murid menjual aiskrim Malaysia semasa program kejiranan.





# AMALAN RAJIN HARMONI TERJALIN



UNIT  
II



A. Cipta slogan yang menunjukkan sikap rajin.

Usaha \* Asas \* Bersungguh-sungguh \* Jiran \* Kecemerlangan

1

Dedikasi \* Jiran \* Sikap \* Kesejahteraan \* Memupuk

2

Berterusan \* Menjamin \* Jiran \* Kejayaan \* Usaha

3



B. Pilih salah satu slogan di atas dan hasilkan poster amalan rajin dalam kehidupan berjiran.



## NOTA GURU


- Galakkan murid mencipta dan membentangkan slogan lain yang berkaitan dengan amalan kerajinan dalam kalangan jiran.
- Minta murid mempamerkan poster yang telah dihasilkan dan menyatakan perasaan mereka tentang sikap rajin dalam kehidupan berjiran.

11.2  
11.3  
11.4





 Lengkapi teka silang kata.



**Melintang**

1. Saya dan jiran \_\_\_\_\_ menyertai Kempen Menanam Pokok untuk menjaga keindahan kejiranan.
2. Sikap saya dan jiran yang melakukan tugas tanpa \_\_\_\_\_ telah berjaya menghasilkan kejayaan.
3. Kami \_\_\_\_\_ mengecat pagar di kawasan kejiranan sehingga siap dan sempurna.
4. Saya berasa \_\_\_\_\_ kerana dapat mengajar anak jiran subjek Sains setiap hari.

**Menegak**

5. Sikap rajin yang ditunjukkan oleh jiran untuk memperbaiki jambatan yang rosak dapat mengeratkan \_\_\_\_\_ sesama mereka.
6. Saya berlatih bersungguh-sungguh dan \_\_\_\_\_ untuk memenangi pertandingan catur anjuran kejiranan.
7. Sikap rajin dalam kalangan jiran mewujudkan suasana kehidupan yang selamat dan \_\_\_\_\_.
8. Kami tidak berputus asa dan mengamalkan \_\_\_\_\_ yang berterusan untuk mengekalkan kawasan kejiranan bebas daripada nyamuk Aedes.





BUKA MINDA

UNIT 12







# MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT



Baca dan fahami catatan blog.

e  Lagi ▾

Cipta Blog Daftar Masuk

## SAYA DAN JIRAN

Coretan tentang kejirananku...

TETAMU

18 September 20...

0.001777

KENALAN

Pengikut (25)



Ikut

### MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT

Keluarga Pei Sia berpindah di sebelah rumah saya. Saya dan jiran saling bekerjasama mengangkat barang-barang ke dalam rumah. Hasil kerjasama kami, kerja dapat diselesaikan dengan cepatnya.



Keluarga Pei Sia mengadakan jamuan bersempena dengan memasuki rumah baharu. Saya dan jiran bersama-sama membuat persiapan jamuan dari awal hingga selesai.



TENTANG SAYA



e RUNAI

Lihat profil lengkap saya

CATATAN...

▾ 20...(1)



MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT

▶ 20...(10)

▶ 20...(25)

KISAHKU...

Bekerjasama demi Kebaikan...(1)

Membudayakan Amalan Kerjasama...(1)

Bekerjasama dalam...(1)



Ayah saya mengajak ayah Pei Sia menyertai Skim Rondaan Sukarela (SRS). Pada setiap malam, mereka bergilir-gilir meronda untuk menjaga keselamatan kawasan kejiranan.



Pada suatu hari, saya dan Pei Sia ternampak pencuri memasuki rumah jiran. Saya segera mendapatkan bantuan anggota SRS. Pencuri itu berjaya ditangkap.



Budaya bekerjasama dalam kalangan jiran bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan malah menjamin keselamatan. Saya dan jiran berasa selamat serta gembira tinggal di sini.

Dicatat oleh RUNAI pada 18 September 20...

Reaksi:  Kelakar (0)  Menarik (5)  Bermanfaat (10)

- ◆ Bagaimanakah sikap kerjasama dapat menjamin keselamatan kawasan kejiranan?
- ◆ Jika jiran kamu bersikap mementingkan diri sendiri, apakah yang akan berlaku? 🧠



NOTA GURU

- Minta murid menyatakan sikap bekerjasama mereka dalam kehidupan berjiran.
- Minta murid menyenaraikan situasi yang memerlukan kerjasama antara jiran.
- Minta murid tunjuk cara aktiviti bekerjasama dalam sesuatu situasi.







## BEKERJASAMA DEMI KEBAIKAN SEMUA

### Hayati petikan.

Berhampiran rumah Aping terdapat sebidang tanah terbiar. Aping dan jiran bersepakat menjadikan tanah itu sebagai tempat istirahat setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa.



Hasil daripada perbincangan, mereka membuat poster dan brosur Pembinaan Laman Istirahat Ceria untuk diedarkan kepada jiran. Poster dan brosur itu dihasilkan agar jiran dapat memberikan sokongan kewangan dan tenaga bagi menjayakan projek.




Aping dan kawan-kawan mengutip derma daripada jiran. Mereka juga mengumpulkan barang kitar semula untuk dijual dan dijadikan kraf tangan. Hasil jualan dijadikan dana bagi menampung perbelanjaan projek.





Aping dan jiran bergotong-royong membersihkan tapak laman, menanam pokok bunga dan membina gazebo. Mereka melakukan aktiviti bersama-sama bagai aur dengan tebing. Akhirnya, laman itu siap dan dijadikan tempat aktiviti kejiranan.



Laman itu dimanfaatkan sepenuhnya, Aping mengajar jiran berlatih tarian sumazau. Dia juga belajar bermain catur daripada mereka. Berkat usaha dan amalan kerjasama, mereka memenangi pertandingan tarian sumazau dan pertandingan catur anjuran kejiranan.




- ◆ Adakah kamu akan mencontohi sikap Aping yang suka bekerjasama dengan jiran? Berikan alasan. 🧠
- ◆ Bagaimanakah kamu mengamalkan dan mengekalkan amalan kerjasama dalam kawasan kejiranan?



CONTOH TARIAN  
SUMAZAU

• **NOTA GURU** •

- Minta murid menghasilkan peta alir berdasarkan petikan dan bentangkan.
- Minta murid menyatakan perasaan mereka bekerjasama dalam kehidupan berjiran.







# MEMBUDAYAKAN AMALAN KERJASAMA

Jawab soalan dan lakukan aktiviti.

## PANDUAN AKTIVITI


### Simultaneous Round Table

1. Bentuk empat orang ahli dalam setiap kumpulan.
2. Setiap ahli diberi borang dan diminta menjawabnya.
3. Setiap ahli akan bertukar-tukar borang mengikut arah pusingan jam bagi menambahkan atau membetulkan jawapan.
4. Bentangkan jawapan selepas selesai empat pusingan.

**MEMBUDAYAKAN AMALAN KERJASAMA  
(Simultaneous Round Table)**

Nama: \_\_\_\_\_

1. Senaraikan amalan kerjasama dalam hidup berjiran dari segi aktiviti kejiranan.	2. Senaraikan kebaikan bekerjasama dalam kalangan jiran.
3. Senaraikan cara kamu membudayakan amalan bekerjasama.	4. Perasaan kamu apabila mengamalkan sikap bekerjasama dalam kalangan jiran.



- ◆ Buat banding beza antara jiran yang mengamalkan sikap bekerjasama dengan tidak mengamalkan sikap bekerjasama.



BORANG  
AKTIVITI

### NOTA GURU

- Imbas kod QR untuk mencetak borang aktiviti.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti PAK-21 (*Simultaneous Round Table*).
- Sediakan soalan tambahan mengikut keperluan.
- Bimbing murid membentangkan maklumat yang diperolehi.





# RAIKAN PESTA BERSAMA-SAMA JIRAN



## Fahami soalan dan hasilkan jadual tugasan.

Jiran di kawasan kejiranan kamu mengadakan Pesta Tanglung bersempena dengan Perayaan Kuih Bulan. Kamu dan jiran membuat tanglung bersama-sama.

### PANDUAN AKTIVITI

1. Bincangkan bahan dan alatan serta sediakan jadual tugasan.
2. Layari Internet untuk mendapatkan maklumat cara membuat tanglung.
3. Galakkan murid menggunakan bahan kitar semula.

### Jadual Penyediaan Bahan-bahan Projek Membuat Tanglung

Nama	Bahan dan Alatan
1. Jia Wen	dawai
2.	
3.	
4.	
5.	



- ◆ Apakah perasaan kamu apabila berjaya menghasilkan tanglung bersama-sama jiran?
- ◆ Patutkah kamu menyertai aktiviti kejiranan bersama-sama jiran? Jelaskan.



### FAKTA

Pesta Tanglung juga dikenali sebagai Perayaan Kuih Bulan yang jatuh pada hari ke-15 bulan kelapan kalendar Cina. (Sumber: Diubah suai daripada Kosmo, 25 September 2018)

### NOTA GURU

- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.
- Hasilkan tanglung mengikut kreativiti bersama-sama jiran.
- Bimbing murid melayari Internet untuk melihat cara membuat tanglung.

12.3  
12.4  
12.5





# NIKMATI HASIL BEKERJASAMA

Hasilkan kad *pop up* dalam kumpulan.




Tulis amalan, kebaikan dan perasaan bekerjasama sesama jiran.

Sediakan bahan dan peralatan:

- gam
- gunting
- pembaris
- pen warna
- pen penanda
- kad warna
- kad pelbagai bentuk



1



Lipat, tanda dan guntingkannya.

2



Kad *pop up* yang telah siap.

3



Tegakkan kad warna dan tampalkannya.

4



Lekatkan kad warna pada kad yang lain.


5



Tampalkan kad dan tulis tajuk mengikut kreativiti.

## NOTA GURU

- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.
- Bimbing murid menyenaraikan amalan dan kebaikan bekerjasama sesama jiran.
- Galakkan murid mengedarkan kad *pop up* kepada jiran untuk memupuk sikap bekerjasama.





 **Mari bermain.**

## PANDUAN AKTIVITI

### Roda Raksasa

1. Bentuk kumpulan yang terdiri daripada 10 orang murid.
2. Cantum surat khabar untuk membentuk roda raksasa.
3. Kumpulan yang selesai menyiapkan roda raksasa dikehendaki menjawab satu soalan.
4. Gerakkan roda raksasa setelah berjaya menjawab soalan.
5. Jika roda raksasa terkoyak, kembali ke garisan permulaan dan hasilkan roda raksasa semula.
6. Kumpulan yang tiba awal di garisan penamat ialah pemenang.

**Sediakan bahan dan peralatan:**

- surat khabar
- pita pelekat



### Soalan 1


Kejiranan kamu mengadakan Kempen Hijaukan Bumi. Bagaimanakah kamu bekerjasama dengan jiran?

### Soalan 2

Apakah kebaikan bekerjasama dalam kehidupan berjiran?

### Soalan 3

Longkang di hadapan rumah jiran tersumbat dan berbau busuk. Bagaimanakah kamu bekerjasama dengan jiran untuk mengatasi masalah ini?

- ◆ Apakah pengajaran yang kamu peroleh melalui aktiviti ini?
- ◆ Adakah kamu berasa seronok apabila bekerjasama dengan jiran? Bincangkan. 



## NOTA GURU

- Sediakan soalan tambahan berdasarkan keperluan.
- Minta murid menganggap ahli kumpulan sebagai jiran untuk penghayatan.

12.1  
12.3  
12.4  
12.5





## MARI UJI DIRI

 Tulis jawapan yang sesuai.



2. Kamu dan jiran hendak menyertai pertandingan robotik di kawasan kejiranan.

Bagaimanakah kamu dan jiran mengamalkan sikap bekerjasama untuk menyertai pertandingan robotik tersebut?

---

---

---

---

---

---

1. Kamu dan jiran mendapati banyak sampah terapung di permukaan air di kawasan kejiranan.

Bincangkan:

- aktiviti yang dijalankan dengan jiran untuk mengatasi masalah.  
\_\_\_\_\_
- kebaikan bekerjasama untuk mengatasi masalah.  
\_\_\_\_\_
- perasaan kamu setelah bekerjasama.  
\_\_\_\_\_
- cara mengekalkan amalan kerjasama di kawasan kejiranan.  
\_\_\_\_\_





BUKA MINDA

UNIT 13

JAMUAN KEJIRANAN  
LORONG MAWAR

Ambil Makanan  
Mengikut  
Keperluan

Elak Pembaziran

Tempat  
Mencuci Tangan





# KESEDERHANAAN MENJALIN KEMESRAAN SESAMA JIRAN

 **Baca dan fahami situasi.**





Jian Yuan dan Daljit Singh,  
silalah duduk.

Harganya murah sahaja. Saya  
membelinya di kedai barangan  
terpakai di kawasan kejiranan kita  
dengan duit simpanan saya.

Wah, canggihnya alat  
mainan kamu, Prakash!  
Mesti mahal harganya.



Baguslah, Prakash.  
Saya juga akan mula  
menabung seperti kamu.

Ambillah baju saya ini, Tiew.  
Baju ini masih boleh dipakai.




Terima kasih,  
Fahmi. Kamu jiran  
yang pemurah.  
Saya dapat  
berjimat kerana  
tidak perlu membeli  
baju pengakap  
yang baharu.

- ◆ Nyatakan contoh lain sikap sederhana selain situasi di atas.
- ◆ Ceritakan cara kamu bersikap sederhana dalam kehidupan berjiran.
- ◆ Apakah perasaan kamu setelah mengamalkan sikap sederhana dalam kehidupan berjiran?

NOTA GURU

- Bimbing murid main peranan berdasarkan situasi.







# KESEDERHANAAN MENGERATKAN HUBUNGAN SESAMA JIRAN



Baca dan fahami kandungan *Instagram*.



Hanling2010

Amalan sederhana di rumah jiran.



♥ 110 suka

**Hanling2010** Saya menghadiri majlis sambutan hari kelahiran jiran. Jiran pelbagai kaum berkunjung ke majlis ini.





Lihat semua komen



**Munhuat** Wah, banyaknya tetamu! Pasti seronok dapat berjumpa dengan jiran.

21m 3 Suka Balas



**Hanling2010** @Munhuat Ya, lihatlah gambar yang saya ambil. Tetamu yang hadir berpakaian sederhana dan cantik.

25m 2 Suka Balas



**Hakimi08** Banyaknya makanan di atas meja. Mesti sedap dan lazat rasanya.

27m 4 Suka Balas



**Hanling2010** @Hakimi08 Makanan memang banyak, sedap dan lazat tetapi kami makan mengikut keperluan agar tidak membazir.

29m 1 Suka Balas



**Tiviyaa** Cantiknya baju yang kamu pakai, Han Ling! Harganya mesti mahal.

32 m 10 Suka Balas



**Hanling2010** @Tiviyaa Terima kasih. Sebenarnya baju itu dijahit oleh jiran dengan upah yang murah. Saya gembira dapat berjimat.

35 m 5 Suka Balas



**Tiviyaa** @Hanling2010 Bagusnya kamu. Majlis ini juga nampak meriah dengan kehadiran jiran.

36 m 2 Suka Balas



**Hanling2010** @Tiviyaa Betul kata kamu, memang meriah tetapi majlis ini disambut secara sederhana.

37 m 6 Suka Balas



**Tiviyaa** @Hanling2010 Ya, amalan sederhana ini dapat mengeratkan hubungan dan perpaduan antara jiran.

38 m 10 Suka Balas




**Hanling2010** @Tiviyaa 👍😎

39 m 4 Suka Balas

- ◆ Berdasarkan kandungan *Instagram*, senaraikan sikap sederhana yang diamalkan oleh Han Ling terhadap jirannya.
- ◆ Jelaskan cara kamu mengamalkan kesederhanaan semasa menghadiri majlis keramaian di kawasan kejiranan.
- ◆ Kesederhanaan membawa banyak manfaat. Bincangkan. 🍄

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kandungan *Instagram*.







# HIDUP SEDERHANA BERSAMA-SAMA JIRAN

 **Lengkapkan kerangka teks pidato.**

Selamat sejahtera pengerusi majlis dan jiran sekalian.  
Tajuk pidato saya ialah "Amalan kesederhanaan  
mengeratkan hubungan sesama jiran".

Para hadirin yang dihormati,  
Amalan kesederhanaan bermaksud \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Contoh amalan kesederhanaan ialah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.


Kita bersederhana dengan cara \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Hadirin sekalian,  
Kesimpulannya, terdapat beberapa kelebihan  
kita bersederhana terhadap jiran, iaitu \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Sekian, terima kasih.


Saya gembira  
mengamalkan  
kesederhanaan  
dalam kehidupan  
berjiran.



◆ Kesederhanaan bermaksud kita tidak terlalu berlebihan dan terlalu berkurangan dalam kehidupan harian. Bagaimanakah kamu mengaplikasikannya dalam kehidupan berjiran? 

### NOTA GURU

- Bimbing murid berpidato selepas melengkapkan teks.
- Bimbing murid menggunakan PAK-21 (*Think Pair Share*) untuk menjawab soalan rangsangan.





# KESEDERHANAAN TERHADAP JIRAN



 Teliti gambar dan lengkapkan cerita bersiri.



Ricky dan rakan-rakan berkunjung ke rumah jiran.



- ◆ Tulis pengajaran yang kamu peroleh daripada cerita bersiri.
- ◆ Apakah perasaan kamu apabila bersikap sederhana terhadap jiran?

## NOTA GURU

- Bimbing murid membentangkan hasil kerja.
- Minta murid melakonkan sikap sederhana yang pernah dilakukan oleh mereka.

13.2  
13.3  
13.4  
13.5





# DOMPET KECIL UNTUK JIRANKU

 **Mari hasilkan dompet.**

Sediakan bahan dan peralatan:


- kain felt
- butang
- jarum
- pensel
- kad manila
- gam
- benang kait



◆ Bagaimanakah kamu dan jiran boleh menggunakan dompet kecil untuk mengamalkan kesederhanaan?

**NOTA GURU**

- Bimbing dan pantau keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.
- Galakkan murid membuat dompet kecil bersama-sama rakan di kawasan kejiranan.





# KESEDERHANAAN DALAM BERPAKAIAN

JANA MINDA



UNIT  
13

 Fahami dan lakukan aktiviti.



Bantu saya memilih pakaian yang sesuai.



◆ Wajarkah kamu membeli pakaian baharu setiap kali menghadiri majlis di kawasan kejiranan? Jelaskan.

## NOTA GURU

- Minta murid membawa pakaian yang sesuai dengan majlis di kawasan kejiranan.
- Peragakan cara berpakaian yang sesuai dan sederhana mengikut majlis.
- Bimbing murid memilih pakaian dan menyatakan alasan.

13.1  
13.2





**A. Bagaimanakah kamu menggunakan kemudahan di kawasan kejiranan secara sederhana?**



**B. Nyatakan perbezaan antara sikap sederhana dengan sikap tidak sederhana.**

Sikap sederhana

Sikap tidak sederhana

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Pakaian  
ke majlis kejiranan

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Makan  
dalam majlis  
kejiranan

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Perlakuan dan  
pertuturan  
terhadap jiran

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_









# BERTOLAK ANSUR AMALAN TERPUJI

## Hayati situasi.

Bisingnya!

Kumutha, kawal diri kamu. Tarian singa ini merupakan budaya jiran kita yang berbangsa Cina. Kita patut memahami budaya mereka dan bertolak ansur.





1 Ayah, kami hendak cepat ke kelas tambahan tetapi jalan ini ditutup! Bagaimanakah kita hendak lalu?

2 Sabar, Elisa. Jangan risau. Ayah akan ikut laluan lain.

3 Elisa, kamu patut bersabar dan bertolak ansur agar hidup berjiran menjadi lebih harmoni.

4 Maafkan saya. Barulah saya faham. Kita patut bertolak ansur untuk mengelakkan perselisihan faham.

5 Ya, betul. Jadi, kita patut berasa bangga kerana dapat bertoleransi dengan jiran.

- ◆ Berdasarkan situasi ini, apakah contoh amalan toleransi?
- ◆ Pernahkah kamu bertoleransi dengan jiran? Ceritakan.

NOTA GURU

- Bimbing murid melakonkan situasi di atas.
- Bimbing murid menyatakan perasaan selepas aktiviti lakonan.







## SENANG HATI BERTOLERANSI

Fahami dialog berikut.

Yi Ning, saya hendak ke pertandingan badminton sekarang. Bolehkah saya keluar dahulu?

Tidak mengapa, kamu keluarlah dahulu.



Saya pula hendak menghantar adik ke kelas tambahan. Dia ada ujian.

Maafkan saya.

Eh, anak jiran saya rupanya!

Saya tidak sengaja.



Tidak mengapa. Saya faham.

Bersabarlah. Kita perlu menunggu giliran jiran yang sampai dahulu.


Abang, cepatlah beli aiskrim. Cuaca sangat panas.



- ◆ Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu bertoleransi dalam kehidupan berjiran?
- ◆ "Mengalah bukan bererti kita lemah". Kaitkan ungkapan ini dengan sikap toleransi sesama jiran.

**NOTA GURU**

- Minta murid melakonkan situasi di atas.
- Minta murid menceritakan perasaan bertoleransi sesama jiran.





# KEMPEN TOLERANSI

## Fahami gambar.


Penghuni Blok A, Pangsapuri Seri Mawar menyertai Kempen Toleransi. Kempen ini bertujuan untuk memupuk amalan bertoleransi dalam kehidupan berjiran agar suasana kejiranan aman dan harmoni.

Kami berasa gembira kerana mengamalkan toleransi dalam kehidupan berjiran. Hasilnya, hubungan kami semakin erat.



Amalan Toleransi

bertolak ansur dengan memberikan tempat duduk kepada jiran yang tua



mengawal diri daripada memarahi jiran



bersabar dengan kerenah jiran



- ◆ Jelaskan cara kamu bertoleransi dalam kehidupan berjiran.
- ◆ Jiran yang tidak bertoleransi akan mendatangkan pelbagai kesan buruk. Apakah yang sepatutnya kamu lakukan untuk mengatasi masalah tersebut? 🍌

### NOTA GURU

- Minta murid menceritakan pengalaman bertoleransi dengan jiran dan kesannya.
- Minta murid memberikan contoh lain cara memupuk amalan toleransi dalam kawasan kejiranan.






# TOLERANSI MENJAMIN KESEJAHTERAAN KEJIRANAN



Fahami situasi dan selesaikan masalah dengan mengamalkan sikap kawal diri, sabar dan tolak ansur.



Kamu hendak ke sekolah segera kerana ada ujian.



Lori jiran menghalang kereta ayah di hadapan rumah.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Jiran memberitahu bahawa lorinya rosak.



\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_




Kamu sampai di sekolah sebelum ujian bermula.

- ◆ Kamu mendapati segelintir jiran tidak mempunyai kesedaran toleransi dalam kehidupan berjiran. Apakah tindakan kamu?
- ◆ Secara berkumpulan, bincangkan kepentingan kamu mengamalkan sikap toleransi untuk menyelesaikan masalah.

## NOTA GURU

- Bimbing murid bertindak dengan sikap tolak ansur.
- Selesaikan masalah ini dan bantangkan jawapan.






# TOLERANSI PENYELESAIAN SENGKETA JIRAN



UNIT  
14


 **Fahami cerita. Bincang dalam kumpulan dan bentangkan.**

Pada zaman dahulu, sekawan seladang dan kerbau tinggal berjiran di dalam hutan. Mereka selalu bertengkar dan bergaduh kerana berebut kawasan rumput yang subur. Kehidupan kejiranan mereka tidak aman.

Pada suatu hari, ketua seladang berbincang dengan ketua kerbau. Mereka ingin mencari jalan penyelesaian tetapi menemui jalan buntu. Akhirnya, mereka berjumpa dengan Sang Kancil yang bijaksana untuk meminta pertolongan.

**Andaikan kamu ialah Sang Kancil. Bagaimanakah kamu dapat menyelesaikan masalah kejiranan seladang dan kerbau dengan mengamalkan sikap toleransi?**



◆ Sikap bertoleransi dapat menyelesaikan pelbagai persengketaan antara jiran. Bincangkan. 



KISAH SELADANG  
DENGAN KERBAU

## NOTA GURU

- Bimbing murid menyelesaikan masalah dengan menggunakan pelbagai kaedah.
- Minta murid melakonkan cerita tersebut semula.

14.1  
14.2  
14.3





# KESABARAN KUNCI KEBAHAGIAAN


Hasilkan dialog tindakan toleransi kamu dengan jiran.

1

Boon Win, bolehkah saya menggunakan tandas dahulu? Saya sakit perut.



Selvan



Boon Win

---




---



---

2

Eh, saya tidak sengaja!



Alow



Shantini

---



---



---

3

Nathan, jangan bising. Adik saya hendak tidur.



Kristie



Nathan

---



---




---

◆ Apakah perasaan kamu apabila mengamalkan sikap bertoleransi dalam kehidupan berjiran?

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti PAK-21 (Role Play).
- Tambah situasi lain mengikut keperluan.






# TOLERANSI MEMBENTUK KESEJAHTERAAN KEJIRANAN



UNIT  
14


**Mari hasilkan poster.**



Klik pada **Microsoft Publisher**.

Langkah 1

Pilih **Blank A4 (Portrait)**.




Langkah 2

Tekan **Insert**.  
Kemudian,  
tekan **WordArt**  
dan taip.



Langkah 3


Tekan **Insert**.  
Kemudian,  
tekan **Picture**  
dan pilih gambar.



Langkah 4

Ulang langkah 3 atau 4 untuk memasukkan perkataan dan gambar.  
Ubah suai fon, saiz, warna dan reka letak mengikut kreativiti.

**Save** hasil kerja dan tekan **Print**.



Langkah 5



Poster yang telah siap.

◆ "Toleransi Membentuk Kesejahteraan Kejiranan".  
Bagaimanakah kamu bertoleransi dengan jiran?




VIDEO POSTER

## NOTA GURU

- Sediakan pelbagai gambar berkenaan toleransi dalam bentuk salinan lembut.
- Minta murid perbanyak poster untuk diedarkan kepada jiran.
- Lukis poster sekiranya tiada kelengkapan komputer.
- Bimbing murid menghasilkan poster dengan menggunakan pelbagai media.



14.2  
14.3







## MARI UJI DIRI

### A. Jawab soalan.

1. Kamu sedang mengulang kaji pelajaran untuk ujian manakala anak jiran kamu sedang berlatih untuk pertandingan nyanyian.

Tindakan toleransi kamu:

---

---

2. Jiran kamu membela ayam di belakang rumahnya. Bau najis ayam menimbulkan ketidakselesaan dan mengganggu ketenteraman jiran.

Tindakan toleransi kamu:

---

---

3. Jiran kamu meletakkan pokok bunga di atas tembok pagar yang dikongsi. Apabila jiran menyiram pokok, air mengalir masuk di kawasan rumah kamu.

Tindakan toleransi kamu:

---

---



### B. Tulis satu catatan pengalaman kamu mengenai sikap toleransi yang pernah kamu lakukan terhadap jiran.

---

---

---

---